

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI OF SENIBINA,PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

OKTOBER 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini disediakan

Oleh

MOHD RABANI BIN MOHD NASIR

bertajuk

**CADANGAN REKABENTUK PUSAT PAMERAN MOTOCROSS KTM DI NO 250, JALAN KAMARUDIN ISA, 31400 IPOH,
PERAK DARUL RIDZUAN**

diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan : _____ En. Othman bin Hassan

Koordinator Laporan : _____ En. Muhammad Suhaimi Bin Musa

Koordinator Program : _____ Prof. Madya Dr. Mohd Sabrizaa Bin Abd.Rashid

ABSTRAK

Projek yang telah dipilih bagi projek akhir ini ialah cadangan rekabentuk baru bagi ruang pameran KTM Motocross yang berlokasi di No. 250, Jalan Kamarudin Isa, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan. Dengan terhasilnya ruang pameran yang baru ini adalah diharapkan bahawa ia dapat meningkat dan memperkembangkan lagi perniagaan mereka. Tema dan konsep juga diaplikasikan dalam kedua-dua ruang luaran dan dalaman untuk menonjolkan lagi nilai estetika dan juga nilai prestij ruang pameran tersebut. Antara kajian-kajian yang dijalankan termasuklah kajian pemilihan tapak, kajian temuramah, kajian pemerhatian, kajian kes dan kajian soal selidik. Tujuan kajian-kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti dan menyelesaikan kelemahan yang ada. Kajian-kajian yang telah dijalankan ini akan diterapkan di dalam proses rekabentuk, dengan tujuan mendapatkan satu rekabentuk yang menarik dan sesuai dengan imej korporat KTM sama ada dari segi fungsi dan nilai estetikanya.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum w.b.t

Alhamdulillah syukur ke hadrat Illahi kerana dengan rahmat dan limpah kurnianya, saya telah berjaya menyiapkan laporan projek akhir ini dalam tempoh yang telah ditetapkan. Ribuan terima kasih diucapkan kepada En Othman Hassan sebagai penyelia laporan projek akhir ini yang telah banyak membantu proses penyempurnaan laporan ini. Jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Encik Mohd Haqqi dan Encik Suhaimi selaku pensyarah Rekabentuk Dalaman yang telah memberikan tunjuk ajar dalam menyiapkan laporan ini. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada En Rozaini Rosdin dari Pyoor Cycle Sdn. Bhd. selaku cawangan KTM di Malaysia yang banyak memberi maklumat dan sokongan dalam menyiapkan projek ini. Tidak lupa juga kepada beberapa pihak yang lain yang terlibat secara langsung ataupun tidak langsung. Turut terlibat dalam menjayakan laporan projek akhir ini iaitu kedua-kedua ibu bapa saya yang banyak memberikan dorongan. Sekalung penghargaan diucapkan kepada kakitangan UiTM Perak terutamanya para pensyarah dan khususnya rakan-rakan seperjuangan. Dengan itu semua jasa dan pengorbanan yang telah diberikan amatlah dihargai dan tidak mungkin dilupai hingga ke akhir hayat. Sekian, terima kasih.

Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Gambar	vi
Senarai Rajah	viii
Senarai Jadual	ix
Senarai Singkat Kata	x

KANDUNGAN

BAB 1 | PENGENALAN I

1.1	PENGENALAN PROJEK	1
	1.1.1 Definisi Pusat Pameran	2
	1.1.2 Sejarah Pusat Pameran	3
	1.1.3 Jenis-Jenis Pusat Pameran	4
1.2	METODOLOGI	5
	1.2.1 Fasa Pertama	5
	1.2.2 Fasa Kedua	7
	1.2.3 Fasa Ketiga	9
1.3	MATLAMAT KAJIAN	11
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	11
1.5	ISU	12
1.6	SKOP KAJIAN	12
1.7	HALANGAN KAJIAN	13
1.8	KEPENTINGAN KAJIAN	13

BAB 2 | KLIEN I

2.1	LATAR BELAKANG KLIEN	15
2.2	CARTA ORGANISASI	16
2.3	VISI DAN MISI SYARIKAT	17
2.4	IMEJ KORPORAT KLIEN	18
2.5	RUMUSAN LATAR BELAKANG KLIEN	19

BAB 1.0

PENGENALAN

1.1 PENGENALAN PROJEK

Projek merekabentuk cadangan rekabentuk baru bagi ruang pameran KTM Motocross yang berlokasi di No. 250, Jalan Kamarudin Isa, 31400 Ipoh, Perak Darul Ridzuan telah dipilih sebagai analisa projek akhir ini. Projek ini dipilih untuk merekabentuk ruang pameran mengikut kehendak klien. Cabaran yang perlu diambil ialah dari segi penggunaan bahan, kemasan, skim warna dan rekabentuk yang dihasilkan mesti mempunyai sesuatu yang baru dan mampu menarik pelanggan. Rekabentuk ruang yang dicadangkan perlu berdasarkan imej korporat, misi dan visi syarikat ini. Selain itu, ruang pameran ini mesti mempunyai konsep yang berlainan dan kuat agar pengguna dapat merasa suasana dan memberi kesan positif kepada pekerja dan pelanggan.